

Headline	FAMA komited sasar perluas Bazaar Peduli Rakyat di seluruh negara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	140,000
Page No	38	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	184 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,061
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,182



## ***FAMA komited sasar perluas Bazaar Peduli Rakyat di seluruh negara***

**LEMBAGA** Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menasaskan untuk memperluas Bazaar Peduli Rakyat (BPR) ke seluruh negara menjelang akhir tahun 2021.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, pihaknya yakin BPR yang menawarkan pelbagai barangan pada harga lebih murah berbanding harga pasaran akan dilaksanakan di seluruh 222 kawasan Parlimen serta 576 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) berikutan

sambutan memberangsangkan daripada orang ramai di lima lokasi penganjuran program itu setakat ini.

"Sejak program pertama dilancarkan di Pulau Pinang pada 1 Februari 2019, BPR telah diadakan secara bulanan. Ia bukan sahaja berjaya meningkatkan pendapatan usahawan kepada 40 peratus hingga 50 peratus, malah memberi peluang kepada orang ramai untuk mendapatkan pelbagai barangan dengan harga lebih murah sekitar lima hingga 30 peratus berbanding

harga pasaran.

"Sehingga kini, BPR telah dilaksanakan di Pulau Pinang, Kelantan, Kedah, Negeri Sembilan serta Selangor dan terbukti memberi banyak impak positif sehingga banyak permintaan agar ia diadakan setiap bulan. Kita akan terus perluaskan program ini agar rakyat seluruh negara menerima manfaatnya," katanya pada program pelancaran BPR di Kuala Terengganu semalam.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Ke-

majuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mazlan Alimin dan Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed.

Bazaar itu adalah hasil kerjasama strategik tiga agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani iaitu FAMA, LPP dan LKIM yang bertujuan memendekkan rantaian pemasaran barangan dari peladang, petani dan nelayan agar ia terus sampai kepada pengguna.